

Tarikh mula puasa

UMAT Islam di negara ini dijangka memulakan ibadat puasa pada 17 November ini.

Pensyarah Ilmu Falak Syarie Institut Agama Islam Kedah (Insaniah) di Alor Star, Abdul Ghani Salleh, berkata berdasarkan pengiraan rukyah, penentuan anak bulan Ramadan akan dilakukan petang Khamis, 15 November bersamaan 29 Syaaban 1422.

Beliau berkata matahari dijangka terbenam jam 7.01 malam, manakala anak bulan Ramadan dijangka muncul pada jam 7.11 malam.

Bagaimanapun, katanya, anak bulan ketika itu berada pada altitud kurang dua darjah, iaitu kurang daripada syarat melihat anak bulan yang dipersetujui Majlis Agama Islam Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura.

"Syaaban harus digenapkan kepada 30 hari pada 16 November, sekali gus membolehkan umat Islam mula berpuasa pada 17 November," katanya.

Tarikh umat Islam mula berpuasa akan diisytiharkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Melayu pada malam 15 November ini.